

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)56

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

56. Huraikan bajet yang diperuntukkan kepada setiap GLC Kerajaan Negeri.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menggabungkan GLC-GLC yang bertindih fungsinya?
 - (b) Senaraikan projek dan program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh CMI.
 - (c) Huraikan prestasi dan kedudukan kewangan semasa CMI.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

56. Terdapat lima belas (15) Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Bajet yang diperuntukkan kepada setiap GLC di bawah CMI dan SSI adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

(a) Dari enam belas (16) GLC ini terdapat tujuh (7) GLC yang mempunyai peranan dan fungsi yang hampir sama iaitu:-

- (i) Penang Science Cluster, Penang STEM Sdn. Bhd dan Penang Tech Centre. Tiga (3) GLC ini mempunyai peranan dan fungsi yang hampir sama iaitu menyediakan pendidikan dan latihan dalam bidang STEM dan TVET yang mana boleh digabungkan di bawah satu organisasi STEM;
- (ii) Penang Global Tourism dan PICEB Sdn. Bhd. Dua (2) GLC ini berperanan mempromosikan aktiviti-aktiviti pelancongan di Pulau Pinang.
- (iii) PWDC Sdn. Bhd. dan PYDC Strategies Sdn. Bhd. Kedua-dua GLC ini mendidik dan membangunkan belia serta wanita ke arah pembangunan holistik dan mencapai kesaksamaan gender dalam meningkatkan penyertaan wanita dan belia dalam bidang ekonomi.

Kerajaan Negeri masih mempertimbangkan cadangan untuk menggabungkan GLC-GLC yang mempunyai peranan dan fungsi yang hampir sama. Walau bagaimanapun ianya masih

dalam perancangan memandangkan masing-masing mempunyai program sendiri dengan tajaan dari syarikat-syarikat korporat

- (b) Senarai projek dan program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh CMI adalah seperti di **LAMPIRAN B** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.
- (c) Prestasi kedudukan kewangan CMI adalah seperti di **LAMPIRAN C** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.